

07/05/1998

Kabinet Sabah sokong KM baru

KOTA KINABALU, Rabu - Kabinet Sabah hari ini memutuskan memberi sokongan padu kepada Ketua Menteri yang baru selepas Datuk Yong Teck Lee melepaskan jawatan itu pada 27 Mei ini.

Peretujuan itu, diperakukan dalam mesyuarat mingguan Kabinet negeri yang dipengerusikan oleh Yong di Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini hari ini.

"Kabinet negeri memberi sokongan penuh kepada bakal Ketua Menteri yang akan mengambil alih pada penghujung bulan ini. Siapa saja yang mengambil alih pengerusi Kabinet, ia akan disokong oleh semua anggota Kabinet," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat itu.

Tempoh perkhidmatannya selama dua tahun sebagai Ketua Menteri dijadualkan berakhir 27 Mei ini dan ketua kerajaan negeri baru sepatutnya mengangkat sumpah jawatan keesokannya, iaitu 28 Mei.

"Proses peralihan dan penyerahan tugas kepada Ketua Menteri baru akan diadakan dalam tempoh seminggu ini," katanya sambil mengesahkan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini tengah hari esok untuk mengadakan pertemuan dengan pemimpin BN negeri mengenai isu pelantikan Ketua Menteri baru.

Pertemuan itu dijadual diadakan di sebuah hotel di Tanjung Aru, di sini. Selepas perjumpaan itu, Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), Ahli Parlimen dan Senator BN di negeri ini.

Penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina - dilaksana selepas pilihan raya negeri 1994.

Bermula dengan kuota Bumiputera Islam menerusi Umno pada 17 Mac 1994, sistem itu kemudian diteruskan dengan pemimpin Cina menerusi Parti Maju Sabah (SAPP) pada 28 Mei 1996.

Ini bermakna kuota Bumiputera bukan Islam pula akan mengambil alih untuk melengkapkan tiga proses penggiliran itu.

Di peringkat pertama dulu, jawatan itu dikongsi dua pemimpin Umno - didahului Tun Sakaran Dandai dan kemudian Datuk Mohd Salleh Tun Said (selepas Sakaran dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri Sabah pada Disember 1994). Mohd Salleh menjadi Ketua Menteri sehingga 28 Mei 1996 sebelum meletakkan jawatan dan diambil alih Yong.

Sementara itu, Yong berkata, soal pilihan raya negeri diadakan pada Mei ini tidak lagi berbangkit kerana selepas itu, ia adalah di bawah bidang kuasa Ketua Menteri baru.

Penggal pemerintahan kerajaan sekarang dijadualkan berakhir Mac depan.

Ditanya apakah tugas yang akan dilakukannya selepas meletakkan jawatan Ketua Menteri, beliau berkata banyak perkara yang difikirkannya dan memang ada peranan lain yang perlu dijalankan.

"Saya sudah bersedia (melepaskan jawatan). Ini bukan perkara baru. Sebelum saya angkat sumpah dahulu, saya tahu memang ada peranan lain selepas dua tahun. Maka ia tidak jadi isu lagi," katanya.

(END)